



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA

---

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 9 TAHUN 1996

---

**PELARASAN GAJI BAGI ANGGOTA KONTRAK YANG TIDAK  
MENGIKUT SKIM PERKHIDMATAN SISTEM SARAAN BARU**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan mengenai Pelarasan Gaji bagi anggota lantikan secara kontrak yang tidak mengikut skim perkhidmatan Sistem Saraan Baru (SSB).

**PELAKSANAAN**

**Pelarasan Gaji**

2. Pelarasan Gaji **tidak diberi** kepada anggota lantikan secara kontrak yang tidak mengikut skim perkhidmatan SSB-

2.1 yang dibuang kerja atau meletak jawatan atau menerima gaji secara pukal (*lump sum payment*) yang berkuatkuasa pada atau selepas 1 Januari 1995; dan

2.2 yang dilantik secara kontrak pada atau selepas 16 April 1996 di mana gajinya telah ditetapkan mengikut [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1996](#).

3. Pelarasan Gaji **hendaklah diberi** kepada anggota lantikan secara kontrak-

3.1 yang tidak mengikut skim perkhidmatan SSB;

3.2 yang berkhidmat pada atau selepas 1 Januari 1995; dan

3.3 tertakluk kepada terma dan syarat kontrak perkhidmatan yang memperuntukkan Pelarasan Gaji boleh diberi.

4. Dengan Pelarasan Gaji anggota tersebut akan menerima Gaji Baru. Komponen Gaji Baru ialah-

$$\begin{array}{|c|} \hline \text{Gaji} \\ \text{Sekarang} \\ \hline \end{array} + \begin{array}{|c|} \hline \text{Kadar Peningkatan} \\ \text{Yang Ditetapkan} \\ \hline \end{array} = \begin{array}{|c|} \hline \text{Gaji Baru} \\ \hline \end{array}$$

5. Kadar peningkatan yang ditetapkan bagi anggota setaraf dengan Kumpulan Pengurusan & Profesional ialah sebanyak RM90.00 sebulan atau bagi

anggota setaraf dengan Kumpulan Sokongan sebanyak RM60.00 sebulan.

6. Contoh Pelarasan Gaji adalah seperti di Jadual 1-

**Jadual 1 :** Pelarasan Gaji Anggota Lantikan Secara Kontrak Yang Tidak Mengikut Skim Perkhidmatan SSB

Jawatan	Pengelola Sosio Agama, Kem. Penerangan	Penyelia KEMAS	Penolong Pegawai Perpaduan, Kanan	Penolong Pegawai RELA Daerah
Gaji Sekarang (RM)	2,326.00	1,112.00	1,370.00	551.00
Kadar Peningkatan (RM)	90.00	60.00	60.00	60.00
Gaji Baru (RM)	2,416.00	1,172.00	1,430.00	611.00

7. Pelarasan Gaji mengikut Pekeliling Perkhidmatan ini **tidak mengubah** tarikh kenaikan gaji/pergerakan gaji anggota tersebut.

## **Pembayaran Tunggakan**

8. Tunggakan Pelarasan Gaji anggota lantikan secara kontrak yang tidak mengikut skim perkhidmatan SSB hendaklah dibayar oleh Ketua Jabatan di mana anggota ditempatkan pada tarikh Pekeliling ini.

9. Jika anggota yang memenuhi syarat di perenggan 3 meninggal dunia pada atau selepas 1 Januari 1995, Ketua Jabatan di mana anggota tersebut ditempatkan hendaklah membayar tunggakan Pelarasan Gaji.

10. Jika anggota tersebut telah menerima pendahuluan Pelarasan Gaji mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1996, amaun pendahuluan tersebut hendaklah **ditolak** dari tunggakan Pelarasan Gaji ini.

## **TARIKH KUATKUASA**

11. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 1995.

## **PEMAKAIAN**

12. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**(DATO' PADUKA DR. MAZLAN BIN AHMAD)**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
KUALA LUMPUR

31 Disember 1996

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan